**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 14**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**

# 1,075 kes baharu, 11 kematian

Kes positif Covid-19 kembali mencatatkan empat angka

KUALA LUMPUR

Kes positif Covid-19 semalam kembali mencatatkan empat angka dengan 1,075 kes baharu, selain 11 kematian direkodkan iaitu angka kematian harian kedua tertinggi pernah dilaporkan sejak pandemik itu melanda Malaysia awal tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes positif baharu dalam tempoh 24 jam lalu itu merangkumi sebanyak 1,072 kes penularan dalam negara dan tiga kes import, menjadikan jumlah terkumpul kes Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 69,095 kes.

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah sebanyak 10,802 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, Lembah Klang melaporkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 508 kes (47.3 peratus) dengan Selangor menyumbang 459 kes, manakala Sabah mencatat sebanyak 310 kes (28.8 peratus), diikuti Johor sebanyak 78 kes (7.3 peratus).

Beliau berkata, sebanyak 11 kes kematian baharu yang dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif mereka yang meninggal dunia akibat Covid-19 di Malaysia kini seramai 376 orang (0.54 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).



DR NOOR HISHAM

"Kesemua kematian melibatkan warga tempatan dalam lingkungan usia 50 hingga 81 tahun dengan tiga kematian di Selangor dan masing-masing dua di Sabah dan Johor.

"Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kelantan pula mencatatkan masing-masing satu kematian," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kebanyakan kes kematian mempunyai sejarah penyakit kronik seperti darah tinggi, dislipidemia, obesiti, kencing manis dan strok.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan empat lagi kluster baharu Covid-19 melibatkan tiga kluster di Sabah dan satu di Selangor.

Menurutnya, kluster di Sabah dikenali sebagai Kluster Jalan Kilang melibatkan daerah Lahad Datu, Kluster Perdana Enam juga di Lahad Datu dan Kluster Jalan Kubota melibatkan daerah Tawau.

"Satu kluster di Selangor dikenali sebagai Kluster Monsoon melibatkan daerah Petaling.

"Pertambahan empat kluster baharu itu menjadikan sebanyak 373 kluster dilaporkan sehingga kini," katanya. - *Bernama*